

KURSUS ASAS PENGKATALOGAN DAN PENGKELASAN



Oleh Nurfaizah Kamarudin dan Norlida Ismailly

Seramai 20 orang pelajar latihan industri telah berkampung di Pustaka Negeri Sarawak untuk menghadiri kursus asas pengkatalogan dan pengkelasan yang telah diadakan selama 3 hari, bermula dari 24 Julai sehingga 26 Julai 2024. Kursus ini dianjurkan oleh pihak Pustaka Negeri Sarawak dalam memberi pendedahan awal kepada para pelajar latihan industri untuk menguruskan bahan-bahan di perpustakaan. En. Izaruddin bin Moss selaku Ketua Bahagian Sarawakiana telah menjemput dua orang pensyarah, Puan Norlida Ismailly dan Puan Nurfaizah Kamarudin dari Pusat Pengajian Sains Maklumat untuk bersama-sama menyampaikan maklumat asas pengkatalogan dan pengkelasan sepanjang para pelajar menjalani latihan praktikal.

Proses dalam pengurusan bahan perpustakaan diuruskan dari awal perolehan sehingga memberikan nombor panggilan terhadap setiap bahan bagi memastikan setiap bahan dapat diakses oleh pengguna perpustakaan. Para peserta begitu teruja untuk mendalami lebih lagi asas pengkatalogan dan pengkelasan yang telah diadakan. Pada hari pertama kursus, para peserta diberikan taklimat koleksi khas oleh Puan Dayang Nur Syima Awang Adrus, pustakawan di Bahagian Sarawakiana, Pustaka Negeri Sarawak. Seusai taklimat, kursus diteruskan dengan memperkenalkan konsep asas pengkatalogan bahan perpustakaan oleh Puan Nurfaizah Kamarudin dengan mendedahkan apakah itu pengkatalogan, elemen yang

berkaitan, dan juga standard yang digunakan semasa mengkatalog bahan perpustakaan. Di samping memahami pengkatalogan secara original terhadap bahan perpustakaan, titik akses, bentuk tajuk, dan diteruskan dengan memahami konsep asas RDA (Resource Description and Access). Para peserta diberikan kuiz dan latihan berkumpulan agar mereka lebih memahami ilmu pengkatalogan ini.

Pada hari kedua diteruskan dengan topik-topik seperti pendedahan tentang konsep asas RDA, perbezaan antara AACR2 dan RDA, dan bagaimana data RDA digunapakai di dalam MARC21. Para peserta diberikan kerja berkumpulan di mana para peserta dikehendaki mengkatalog bahan original yang terdapat di Bahagian Sarawakiana. Pada sebelah petang, kursus ini diteruskan dengan kursus asas pengkelasan oleh Puan Norlida Ismailly. Para peserta didedahkan dengan apakah itu pengkelasan dan elemen yang berkaitan yang melibatkan dengan bahan perpustakaan selepas dikatalog bahan-bahan tersebut. Pada hari terakhir, kursus diteruskan lagi dengan asas pengkelasan, dan para peserta diberikan kerja berkumpulan untuk mereka memahami konsep pengkelasan ini. Kursus ini didedahkan juga dengan Taklimat Pemprosesan Bahan oleh Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Pustaka Negeri Sarawak. Para peserta dipaparkan dengan cara pemprosesan bahan perpustakaan mengikut jenis dan saiz bahan.

Kursus asas ini diakhiri pada jam 4.30 petang dengan pembentangan dari wakil kumpulan berkenaan apa yang telah didapati daripada kursus ini. Justeru, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak, Tuan Haji Japri Bujang Masli menyampaikan ucapan dan nasihat kepada para peserta. Kursus ini diharapkan dapat memberikan sejuta manfaat dalam membantu para peserta memahami asas pengkatalogan dan pengkelasan bahan perpustakaan yang pelbagai. Tahnik kepada semua yang telah hadir dengan jayanya selama 3 hari kursus ini diadakan.

Pelajar PPSM yang sedang menjalani latihan industri di Pustaka Negeri Sarawak menghadiri Kursus Asas Pengkatalogan dan Pengkelasan

